



جابتن حال إحوال اِكْلام إِسلام قولواو قِينْخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG



TEKS KHUTBAH  
**MENUJU  
AR-RAYYAN**



Tarikh Bacaan:  
**7 MAC 2025M / 6 RAMADAN 1446H**

Dibiayai :



MAJLIS AGAMA ISLAM  
NEGERI PULAU PINANG

Diterbitkan :



JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM  
PULAU PINANG

***Jawatankuasa  
Panel Semakan Teks Khutbah  
Negeri Pulau Pinang***

---

- 1. Sahibus Samahah Prof. Madya Dato' Dr. Mohd Sukki bin Othman (Pengerusi)**  
Mufti Kerajaan Negeri Pulau Pinang
- 2. YBhg. Ustaz Muhammad Fadzil bin Alias**  
Pengarah, Yayasan Dakwah Islamiyah (YADIM) Pulau Pinang
- 3. YBhg. Ustaz Ahmad bin Hashim**  
Penasihat, Pusat Pengajian Tahfiz Al-Quran (PPTQ)  
Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang (KITAB)
- 4. YBhg. Ustaz Subki bin Mohamed**  
Mantan Pensyarah Kanan, IPG Kampus Tuanku Bainun
- 5. YBrs. Dr. Mohamad Zaki bin Hj Abdul Halim**  
Penolong Mufti, Bahagian Fatwa,  
Jabatan Mufti Negeri Negeri Pulau Pinang
- 6. YBhg. Ustazah Rohayati binti Daud**  
Mantan Penyelaras Program Intervensi Kaunseling,  
Universiti Sains Malaysia
- 7. YBhg. Ustaz Ahmad Shahimi bin Senawi**  
Pendakwah
- 8. Ustaz Mohd Hanif bin Omar @ Wahab (Setiausaha)**  
Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Dakwah  
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP)



# Menuju Ar-Rayyan

7 Mac 2025M / 6 Ramadan 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.  
أَمَّا بَعْدُ. فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.  
قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ: شَهْرُ رَمَضَانَ الَّذِي أُنزِلَ فِيهِ الْقُرْآنُ هُدًى لِّلنَّاسِ  
وَيَبَيِّنَت مِّنَ الْهُدَى وَالْفُرْقَانِ ... ﴿١٨٥﴾ سورة البقرة

Maksudnya: “Bulan Ramadhan yang diturunkan padanya Al-Quran sebagai hidayah (petunjuk) kepada manusia dan keterangan-keterangan tentang petunjuk dan pemisah antara yang hak dan batil.”

## SIDANG JUMAAT YANG DIKASIHI ALLAH,

Khatib ingin menyeru supaya kita bersungguh-sungguh meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah *سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى*. Takwa boleh ditingkatkan dengan kita mentaati segala suruhan Allah dan meninggalkan perkara-perkara yang ditegah oleh Allah. Hasil ketakwaan yang tinggi akan membawa kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Mimbar juga menyeru para jemaah untuk memberi fokus sepenuhnya kepada khutbah yang disampaikan. Menurut Irsyad Fatwa

Negeri Pulau Pinang, sunat hukumnya bagi orang yang mendengar khutbah untuk diam daripada berkata-kata dan tidak melakukan sebarang aktiviti selain mendengar khutbah. Bersempena Ramadan Al-Bubarak, khatib akan membicarakan khutbah “**Menuju Ar-Rayyan.**”

### **SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Kenapa bulan Ramadan menjadi begitu istimewa dan penting bagi umat Islam?

**Pertama:** Bulan Ramadan dikenali sebagai *Syahrul Quran* شَهْرُ الْقُرْآنِ iaitu bulan Al-Quran.

**Kedua:** Bulan Ramadan dikenali sebagai *Saiyyidu Asy-syuhur* (سَيِّدُ الشُّهُورِ) iaitu penghulu segala bulan kerana kelebihan dan keistimewaannya. Rasulullah صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ bersabda maksudnya:

“Seandainya manusia mengetahui keistimewaan Ramadan, nescaya mereka ingin supaya sepanjang tahun itu adalah Ramadan.”

﴿Hadis Riwayat At-Tabrani, Ibnu Khuzaimah dan Al-Baihaqi﴾

**Ketiga:** Bulan Ramadan dikenali sebagai *Syahrul As-Sabr* (شَهْرُ الصَّبْرِ) iaitu bulan kesabaran kerana ibadah puasa perlu dilakukan dengan kesabaran. Allah menjanjikan ganjaran pahala yang tidak terbatas kepada orang-orang yang bersabar. Sebagaimana firman-Nya dalam surah az-Zumar ayat 10:

... إِنَّمَا يُوفَّى الصَّابِرُونَ أَجْرَهُمْ بِغَيْرِ حِسَابٍ ﴿١٠﴾

Maksudnya: “Sesungguhnya orang-orang yang bersabar akan disempurnakan (ganjaran) pahala mereka tanpa batas.”

**Keempat:** Bulan Ramadan dikenali sebagai *Syahrul Maghfirah* (شَهْرُ الْمَغْفِرَةِ) iaitu bulan keampunan. Rasulullah bersabda maksudnya:

“Sesiapa yang berpuasa di bulan Ramadan dengan penuh keimanan dan keikhlasan nescaya akan diampuni segala dosanya yang telah lalu.”

﴿Hadis Riwayat Al-Bukhary﴾

**Kelima:** Bulan Ramadan dikenali sebagai *Syahrul Barakah* (شَهْرُ الْبَرَكَهَةِ) iaitu bulan berkat. Sabda Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ yang bermaksud:

“Sesungguhnya telah datang kepadamu bulan Ramadan (dengan kelebihan yang lain): bulan penuh keberkatan, Allah menfardhukan puasa atas kamu. Dibuka pintu-pintu syurga, dikunci pintu-pintu neraka, dibelenggu syaitan...”

﴿Hadis Riwayat An-Nasa'i﴾

## **MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,**

Hadis Rasulullah صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ riwayat Al-Bukhari dan Muslim yang bermaksud:

“Sesungguhnya di syurga ada suatu pintu yang disebut “Ar-Rayyan”. Orang-orang yang berpuasa akan masuk melalui pintu tersebut pada Hari Kiamat. Selain orang yang berpuasa, tidak akan memasukinya.”

Perkataan *Ar-Rayyan* dalam hadis berkenaan merujuk kepada satu pintu khusus yang ditawarkan kepada orang beriman yang dalam keadaan kehausan kerana berpuasa. Sebagaimana yang disebutkan dalam hadis sebentar tadi.

Marilah kita memperbanyakkan istighfar memohon ampun kepada Allah seperti yang dilakukan oleh *Salafus Soleh* (سَلَفُ الصَّالِحِ). Kita pertingkatkan solat-solat sunat sebagai pemantapan rohani dan jasmani dalam menghidupkan malam-malam di bulan Ramadan.

### MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Mengakhiri khutbah, khatib ingin merumuskan tiga perkara penting agar bulan Ramadan menjadi dekat di hati kita:

**Pertama:** Mari kita memperkasakan rohani dan jasmani dalam bulan Ramadan yang sangat istimewa ini.

**Kedua:** Allah telah menjanjikan ganjaran syurga melalui pintu *Ar-Rayyan* bagi orang yang lapar dan dahaga dengan penuh keimanan.

**Ketiga:** Beribadatlah dengan penuh kehambaan. Jadikan Ramadan kali ini Ramadan yang lebih baik bagi meraih ganjaran berlipat kali ganda.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ❶ وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ❷ لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ❸

تَنْزِيلُ الْمَلَكِ وَالرُّوحُ فِيهَا بِإِذْنِ رَبِّهِمْ مِّنْ كُلِّ أَمْرٍ ❹ سَلَامٌ هِيَ حَتَّىٰ مَطْلَعِ الْفَجْرِ ❺

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (Al-Quran) pada malam kemuliaan. Dan tahukah kamu apakah malam kemuliaan itu? Malam kemuliaan itu lebih baik dari seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan-Nya untuk mengatur segala urusan. Malam itu (penuh) kesejahteraan sampai terbit fajar.”

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## Khutbah Kedua

2025M/1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ،  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ يُحْيِي وَيُمِيتُ  
وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ دَاعِيًا إِلَى سِرَاجِ مُنِيرٍ.

صَلَّى اللَّهُ وَسَلَّم عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ، عَدَدَ خَلْقِهِ وَرِضَا نَفْسِهِ،  
وَزِينَةَ عَرْشِهِ وَمِدَادَ كَلِمَاتِهِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ تَعَالَى رَبَّكُمْ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَاعْمَلُوا بِطَاعَتِهِ  
وَمَرْضَاتِهِ.

### HADIRIN YANG DIRAHMATI ALLAH,

Untuk makluman semua, Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Pulau Pinang pada tahun 2004 telah memutuskan bahawa merokok adalah **haram**. Begitu juga fatwa pada tahun 2016 yang telah memutuskan bahawa rokok elektronik, vape dan syisya juga adalah **haram**.

Di samping itu, khatib juga ingin mengingatkan jemaah berkaitan peranan wanita dalam pembangunan negara. Sumbangan mereka dalam masyarakat tidak dapat dinafikan, bukan hanya sebagai ibu dan isteri, tetapi juga sebagai penyumbang kepada kemajuan negara. Dalam Islam, hak wanita untuk menuntut ilmu, bekerja, serta terlibat dalam urusan sosial

dan pentadbiran telah diiktiraf sejak zaman Rasulullah ﷺ, seperti yang ditunjukkan oleh para srikandi seperti Saidatina Khadijah dan Saidatina Aisyah رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا.

Sempena sambutan Hari Wanita Sedunia 2025 Peringkat Negeri Pulau Pinang anjuran Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), mimbar ingin menyeru marilah kita menghargai dan menghormati wanita, demi kemajuan negara dan agama. Ramadan bukan sekadar bulan ibadah, tetapi juga peluang untuk memperkukuh nilai dengan memberi sokongan dan berlaku saksama kepada wanita, agar memperoleh keberkatan dalam kehidupan.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ،

اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ، وَاخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

اللَّهُمَّ أَنْصُرْ إِخْوَانَنَا الْمُسْلِمِينَ وَالْمُجَاهِدِينَ وَالْمُسْتَضْعَفِينَ فِي فَلَسْطِينَ وَفِي كُلِّ مَكَانٍ، وَفِي كُلِّ زَمَانٍ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أَيْمَتَنَا وَوُلَاةَ أُمُورِنَا، وَاجْعَلْ وَلَايَتَنَا فِيمَنْ خَافَكَ وَاتَّقَاكَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ. اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا خُصُوصًا وَوَلَايَةَ فُؤَلَاوِ فَيَنْبَغِ آمِنًا مُطْمَئِنًّا سَخَاءَ رَحَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ، يَا ذَا الْفَضْلِ وَالْإِحْسَانِ.

اللَّهُمَّ وَفَّقْ قَادَتَنَا وَرُعَمَاءَنَا وَوَلَاةَ أُمُورِنَا لِمَا فِيهِ عِزُّ دِينِكَ وَنَصْرُ شَرِيْعَتِكَ، اللَّهُمَّ  
اجْعَلْهُمْ هُدَاةً مُهْتَدِينَ صَالِحِينَ مُصْلِحِينَ وَاشْمَلِ اللَّهُمَّ بَعِنَايَتِكَ وَتَوْفِيقِكَ عَلَى  
صَاحِبِ الْجَلَالَةِ،

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan  
Agong, Sultan Ibrahim dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri  
Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong, Raja Zarith Sofiah.

وَكَذَلِكَ صَاحِبِ الْفَخَامَةِ،

Tun Ahmad Fuzi Bin Haji Abdul Razak, Yang di-Pertua Negeri Pulau  
Pinang dan Toh Puan Khadijah Binti Mohd Noor.

*Ya Allah! Dengan sifat-Mu yang Maha Pemurah dan Maha  
Penyayang; Jadikanlah kami dan keturunan kami orang yang  
istiqamah mendirikan solat secara berjemaah, mengeluarkan zakat  
melalui Zakat MAINPP dan melaksanakan waqaf melalui Wakaf  
MAINPP. Rahmatilah jua para pembayar zakat dan pewakaf sekalian,  
serta berkatilah usaha Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam  
Negeri Pulau Pinang dalam usaha mewujudkan keseimbangan sosio-  
ekonomi ummah di negeri yang tercinta ini.*

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ  
وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ  
عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا  
تَصْنَعُونَ.



جابتن حال إحوال اكمام إسلام قولواو فینخ  
JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM PULAU PINANG